

٦١ - بَابُ الْوُضُوءِ مِنْ مَسِّ الذَّكَرِ

61 - Bab (Perlu) Berwudhu Kerana Menyentuh Kemaluan.⁷³⁰

٨٢- حَدَّثَنَا إِسْحَاقُ بْنُ مَنْصُورٍ قَالَ حَدَّثَنَا يَحْيَى بْنُ سَعِيدٍ الْقَطَّانُ عَنْ هِشَامِ بْنِ عُرْوَةَ قَالَ أَخْبَرَنِي أَبِي عَنْ بُسْرَةَ بِنْتِ صَفْوَانَ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ مَنْ مَسَّ ذَكَرَهُ فَلَا يُصَلِّ حَتَّى يَتَوَضَّأَ قَالَ وَفِي الْبَابِ عَنْ أُمِّ حَبِيبَةَ وَأَبِي أَيُّوبَ وَأَبِي هُرَيْرَةَ وَأَرْوَى ابْنَةُ أَنَسٍ وَغَابِشَةُ وَجَابِرٌ وَزَيْدُ بْنُ خَالِدٍ وَعَبْدُ اللَّهِ بْنُ عَمْرٍو

قَالَ أَبُو عِيسَى هَذَا حَدِيثٌ حَسَنٌ صَحِيحٌ

قَالَ هَكَذَا رَوَاهُ غَيْرُ وَاحِدٍ مِثْلَ هَذَا عَنْ هِشَامِ بْنِ عُرْوَةَ عَنْ أَبِيهِ عَنْ بُسْرَةَ.

82- Ishaq bin Manshur meriwayatkan kepada kami, katanya: Yahya bin Sa'id al-Qaththan meriwayatkan kepada kami daripada Hisyam bin 'Urwah, katanya:

memakan daging unta kepada umat ini setelah sekian lama ia diharamkan kepada Bani Isra'il melalui para nabi mereka. Demikian disebutkan oleh Syah Waliyyullah di dalam *Hujjatullah al-Bālighah* j.1 m/s 300).

(5) Maulana Muhammad Anwar Syah al-Kashmiri berpendapat, perintah itu bukanlah sebagai Syari'at yang umum untuk semua orang. Ia hanya khusus untuk orang-orang yang terpilih di kalangan umat (خواص الأمة) semata-mata. Itupun bukanlah sebagai wajib, hanya sebagai mustahab sahaja.

⁷³⁰ Pada zahirnya perkataan الوضوء menjadi mudhāf ilaih bagi perkataan باب sebelumnya, tetapi pada hakikatnya mestilah ada sesuatu yang dibuang sebelum perkataan الوضوء itu mengikut qaedah majāz buang mudhāf. Perkataan yang dibuang itulah sebenarnya mudhāf ilaih bagi perkataan باب, dan ia boleh ditaqdirkan dengan حكم, لزوم, atau وجوب.

Jika ditaqdirkan dengan وجوب atau لزوم, maka maksud Imam Tirmidzi mengadakan tajuk bab ini ialah menyatakan kewajiban atau kemestian berwudhu' kerana menyentuh zakar atau kemaluan, dan inilah yang bersesuaian dengan larangan Rasulullah s.a.w. daripada bersembahyang sebelum berwudhu' di dalam hadits di bawah bab ini.

Jika ditaqdirkan perkataan حكم pula, maka maksud Imam Tirmidzi mengadakan tajuk bab ini ialah menyatakan hukum berwudhu' setelah menyentuh zakar. Boleh jadi ia wajib, dan boleh jadi juga ia sunat sahaja. Kedua-duanya boleh difahami daripada hadits di bawah bab ini.

Ayahku meriwayatkan kepadaku daripada Busrah⁷³¹ binti Shafwan bahawa Nabi s.a.w. bersabda: “Sesiapa menyentuh zakarnya, maka janganlah ia bershalat sebelum berwudhu’.”⁷³²

⁷³¹ Beliau ialah Busrah binti Shafwān bin Naufal bin Asad bin ‘Abdil ‘Uzza bin Qushai al-Qurasyiyyah al-Asadiyyah. Busrah adalah saudara perempuan seibu dengan ‘Uqbah bin Abi Mu’aith. Demikianlah nasabnya disebutkan oleh az-Zubair. Az-Zubair juga berkata, “Shafwān bin Naufal tidak mempunyai keturunan melainkan daripada Busrah. Busrah adalah ibu Mu’āwiah bin al-Mughīrah bin Abi al-‘Aash. Beliau juga merupakan nenek bagi Khalifah ‘Abdul Malik bin Marwaan. Kiri ibu ‘Abdul Malik ialah ‘Aaishah binti Muāwiah.

Busrah adalah seorang Shahābiyyah (sahabat wanita Rasulullah s.a.w.), beliau ada meriwayatkan hadits daripada Baginda. Antara orang-orang yang meriwayatkan hadits daripadanya ialah Ummu Kultūm binti ‘Uqbah bin Abi Mu’aith, ‘Abdullah bin ‘Amar bin al-‘Aash, Marwān bin al-Ḥakam, ‘Urwah bin az-Zubair dan Ḥūmaid bin ‘Abdir Rahman bin ‘Auf.

Kata Ibnu Hibbaan, “Khadijah, isteri Nabi s.a.w. adalah ibu saudara ayah Busrah. Busrah terbilang salah seorang Muhājirāt”. Kata Mush’ab, “Beliau juga terbilang salah seorang sahabat wanita yang berbai’ah dengan Rasulullah s.a.w.” Imam asy-Syāfi’e berkata, “Busrah termasuk salah seorang sahābiyyah yang memeluk agama Islam di peringkat awal dan beliau juga seorang Muhajirah. Beliau hidup hingga ke zaman pemerintahan Saiyyidina Mu’āwiah r.a.”

Keempat-empat pengarang kitab Sunan yang utama (Sunan an-Nasā’i, Sunan Abi Daud, Sunan Tirmidzi, dan Sunan Ibnu Majah) mengambil haditsnya. Dan di dalam kitab Sunan at-Tirmidzi ini hanya terdapat satu sahaja haditsnya, iaitu hadits di bawah bab ke-61 ini.

⁷³² Hadits ini merupakan dalil bagi terbatalnya wudhu’ dengan menyentuh zakar. Yang dimaksudkan dengan sentuhan yang membatalkan wudhu’ itu ialah sentuhan dengan tidak berlapik. Buktinya ialah hadits Ibnu Hibbaan daripada Abu Hurairah secara marfū’ di dalam Sahihnya, bahawa Nabi s.a.w. bersabda:

إِذَا أَفْضَى أَحَدُكُمْ بَيْتَهُ إِلَى فَرْجِهِ ، وَلَيْسَ بَيْنَهُمَا سِتْرٌ وَلَا حِجَابٌ ، فَلْيَتَوَضَّأْ .

Bermaksud: “Apabila seseorang daripada kamu menyentuh farajnya (kemaluannya) dengan tangannya tanpa berlapik dan hijab, maka hendaklah ia berwudhu’.”

Selain Ibnu Hibbaan, al-Haakim dan at-Thabaraani juga meriwayatkannya di dalam kitab masing-masing. (Lihat al-Mustadrak j.1 m/s 138, al-Mu’jamu as-Shaghīr j.1 m/s 42). Menurut Ibnu as-Sakan, “Hadits ini adalah yang terbaik pernah diriwayatkan dalam bab ini.”